

Bahagian A

[30 markah]


[Masa dicadangkan : 45 minit]

Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada langkah menjimatkan perbelanjaan.


Huraikan pendapat anda tentang langkah-langkah untuk menjimatkan perbelanjaan. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

Langkah-langkah Penjimatan Perbelanjaan

Menyediakan senarai barang yang hendak dibeli



Menanam sayuran
untuk kegunaan sendiri



Membawa bekalan makanan
dari rumah

Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

- 1 Penguasaan pelbagai bahasa penting dalam kehidupan.

Jelaskan kelebihan-kelebihan apabila kita menguasai lebih daripada satu bahasa.

- 2 Anda menyertai satu pertandingan syarahan. Tajuk syarahan anda ialah ‘Yang Tua Dihormati, Yang Muda Disayangi’.

Tulis teks syarahan anda itu selengkapnya.

- 3 Negara kita terkenal dengan keindahan alam semula jadi dan keunikan bentuk muka bumiinya.

Huraikan bagaimana keindahan alam semula jadi dan keunikan bentuk muka bumi itu dapat dijadikan produk pelancongan bagi menarik pelancong datang ke Malaysia.

- 4 Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi pencapaian seseorang ahli sukan. Antaranya termasuklah faktor pemakanan, latihan, insentif kemenangan dan sebagainya.

Bincangkan.

- 5 Drama-drama yang disiarkan melalui pelbagai saluran televisyen tempatan sarat dengan pengajaran.

Berikan komen anda.

KERTAS SOALAN TAMAT

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **cara-cara menjalani kehidupan berkualiti pada hari tua dan sebab-sebab warga tua perlu dihargai.** Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Konsep kehidupan yang berjaya menjelang tua merupakan tema yang penting dalam kajian gerontologi, iaitu kajian tentang proses penuaan serta masalah yang dihadapi oleh orang tua. Pada peringkat umur tua, golongan tersebut berkecenderungan menghidap pelbagai penyakit seperti darah tinggi, serangan jantung dan strok. Oleh itu, mereka seharusnya meluangkan masa memahami keperluan jiwa masing-masing dengan tujuan untuk memperoleh kesihatan fizikal dan mental. Golongan tua harus berusaha dengan lebih gigih untuk menjaga pemakanan dengan cara mengamalkan pengambilan makanan seimbang. Di samping itu, untuk mengekalkan kecerdasan otak dan fizikal, golongan tua digalakkan supaya bersenam selama 15 hingga 20 minit setiap sesi, sekurang-kurangnya tiga kali seminggu. Hal ini demikian kerana, otak yang cergas datang daripada badan yang sihat. Menurut Rowe dan Kahn, dalam *Successful Aging* (1997), umur tua yang berjaya harus merangkumi kesihatan fizikal dan mental yang baik.

Penglibatan dalam aktiviti sosial yang proaktif juga penting untuk menjamin kehidupan yang berjaya pada hari tua. Dengan kata lain, golongan ini seharusnya melibatkan diri dalam akitiviti kemasyarakatan bagi mendapatkan *kestabilan emosi* yang lebih tinggi berbanding dengan mereka yang sering memencilkan diri daripada masyarakat. Mereka juga seharusnya berani mencerahkan masalah kepada ahli keluarga agar dapat melegakan perasaan dan mengurangkan tahap kemurungan. Seterusnya, pengisian masa senggang dengan aktiviti keagamaan dan kerohanian dapat membantu golongan ini memperoleh ketenangan jiwa. Contohnya, mereka disarankan supaya menghadiri majlis-majlis ilmu yang dianjurkan oleh masyarakat setempat.

Menurut kajian, golongan tua sering menghadapi masalah dalam mengendalikan teknologi baharu yang rumit dan mencabar. Sehubungan dengan itu, golongan tua digalakkan untuk meneroka teknologi baharu dengan lebih giat bagi mengelakkan mereka daripada ketinggalan maklumat. Kehidupan yang bahagia menjelang hari tua memerlukan seseorang itu berfikiran positif dalam menjalani kehidupan harian. Hal ini disebabkan sikap optimis dan pesimis dapat mempengaruhi kualiti kehidupan seseorang. Selain itu, golongan ini boleh berkongsi ilmu dan pengalaman yang berharga untuk dimanfaatkan oleh generasi muda. Kemerosotan daya ingatan yang menyebabkan prestasi kerja menurun telah membuatkan golongan tua mudah menjadi stres. Oleh sebab itu, keseimbangan hidup harus dicapai dalam urusan kerja dan rekreasi. Dalam hal ini, mereka harus mengamalkan gaya hidup yang sederhana dengan menerima diri mereka seadanya.

Dipetik dan diubah suai daripada,
'Hidup Berkualiti pada Hari Tua'
oleh Tam Cai Lan,
Dewan Masyarakat, Mei 2012

Soalan 2 : Pemahaman**[35 markah]****Soalan 2(a) – Petikan Umum**

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *kestabilan emosi*. **[2 markah]**
- (ii) Pengarang mengemukakan beberapa masalah yang dihadapi oleh golongan tua.
Nyatakan masalah-masalah tersebut. **[3 markah]**
- (iii) Pada suatu masa nanti, anda akan menjadi warga tua.
Jelaskan persediaan-persediaan yang patut anda lakukan untuk menjalani kehidupan hari tua yang berkualiti. **[4 markah]**

[Lihat halaman sebelah

Soalan 2(b) – Petikan Prosa Moden

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Dengan senapangnya, dia memaksa Pak Husain menguburkan mayat-mayat tentera dan orang mati. Ketika beberapa orang Jepun itu mahu mencari orang-orang kampung, Pak Husain menyatakan semuanya sudah lari. Sekaliannya sudah pindah. Akibat daripada sikapnya yang berani itu, Jepun tidak turun ke pangkalan. Pak Husain dipaksa menggali kubur besar. Mayat-mayat yang berpuluhan-puluhan (di pantai Pak Amat sahaja) dikuburkan beramai-ramai. Dia bekerja sehari suntuk. Darah menyimbah ke seluruh badannya. Dia seorang diri. Hingga menjelang senja (dia pun diberi makan biskut dan air oleh tentera Jepun), dia meminta kepada tentera yang pandai berbahasa Melayu itu, mahu membuang air besar. Ketika itulah dia mengambil peluang untuk melarikan diri. Pak Husain menyeberangi sungai ke Tuk Lukup. Dari Tuk Lukup dia berjalan kaki ke Sungai Gali.

“Semua askar Punjabi mati. Kubu Kuala Pak Amat jatuh. Juga di Dasar dan Sabak. Jepun berada di mana-mana.”

Suara Pak Husain sangat lemah. Dia sudah dimandikan oleh Mak Bidah. Darahnya sudah dicuci. Tetapi semangat Pak Husain sudah hilang. Dia menjadi takut-takut. Dia selalu meracau dan menyebut apa-apa sahaja yang dilihatnya sebagai tentera Jepun. Dia melihat mayat di mana-mana, walaupun kami tidak melihatnya.

Dipetik daripada cerpen ‘Pahlawan Buntung’
oleh S. Othman Kelantan
dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Apakah kesan yang dialami oleh Pak Husain setelah berjaya melarikan diri daripada pihak Jepun? [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah tindakan-tindakan yang perlu diambil untuk membantu seseorang yang mengalami gangguan fikiran seperti Pak Husain? [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** perwatakan Pak Husain yang terdapat dalam petikan cerpen di atas dan **satu** perwatakannya yang lain daripada keseluruhan cerpen yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Pada keesokan harinya, Merah Silu pergi melihat bubunya. Didapatinya bubu itu penuh dengan cacing gelang-gelang. Merah Silu membuang cacing gelang-gelang dari dalam bubunya dan memasang semula bubunya. Pada keesokan harinya, dia pergi pula melihat bubunya; demikian juga, bubu itu penuh dengan cacing gelang-gelang. Dibuangnya juga cacing gelang-gelang itu. Dipasangnya lagi bubu itu. Esok harinya, dia pergi semula melihat bubunya, dan bubunya dipenuhi juga dengan cacing gelang-gelang.

Merah Silu pun berfikir dalam hatinya, “Gelang-gelang ini agaknya kurnia Allah Taala kepada aku rupanya.”

Cacing gelang-gelang itu pun dibawanya pulang ke rumah lalu dimasukkan ke dalam kawah. Merah Silu menyuruh rebus semua cacing gelang-gelang itu. Dengan takdir Allah Taala, cacing gelang-gelang itu pun menjadi emas dan buihnya menjadi perak. Merah Silu pun menjadi kaya kerana mendapat emas dan perak.

Orang pun bercerita kepada Merah Hasum tentang hal Merah Silu dikurniai Allah Taala dengan emas dan perak itu. Kata mereka, “Kakanda Merah Silu kami lihat membawa pulang gelang-gelang yang masuk di dalam bubunya, lalu direbus gelang-gelang itu.” Setelah mendengar khabar saudaranya itu, Merah Hasum diam tiada berkata-kata.

Dipetik daripada
‘Merah Silu’
dalam antologi *Harga Remaja*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berikan maksud *mendengar khabar*. [2 markah]
- (ii) Apakah yang dilakukan oleh Merah Silu terhadap cacing gelang-gelang yang terperangkap dalam bubunya? [3 markah]
- (iii) Tindakan Merah Silu yang gigih menahan bubu untuk mencari rezeki akhirnya menjadikan dirinya seorang yang kaya raya.
Pada pendapat anda, apakah faedah yang dapat diperoleh apabila seseorang pelajar mengamalkan nilai gigih dalam pembelajaran di sekolah?
Berikan **dua** faedah. [3 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 2(d) – Pantun

Baca pantun di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Pantun Lapan Kerat

- Rangkap 1: Buat bangsal di tengah hutan,
 Tebaslah hutan buat halaman,
 Di tepi halaman menanam kubis,
 Diselang dengan pokok papaya;
 Biarlah sabar dengan perlahan,
 Itulah tanda tuan beriman,
 Tidak patah digoncang iblis,
 Akhirnya tuan menang berjaya.
- Rangkap 2: Ikan teluk parang-parang,
 Anak ketam disangka lelabi,
 Berburu musim tengkujuh,
 Dapat buruan dibelah-belah;
Bukan makhluk sebarang-barang,
 Cucu Adam sepaian nabi,
 Turun dari langit ketujuh,
 Jadi khalifah kepada Allah.
- Rangkap 3: Lengkang-lengkung apa dipaku,
 Paku jatuh patah dua,
 Menjadi riuh orang di darat,
 Anak Cik Itam jatuh jalar;
 Bumi kandungan nenek moyangku,
 Kerana lalai rosak binasa,
 Kebudayaan Timur dinodai Barat,
 Bahasa ibunda hina terbiar.

Harun Mat Piah (Penyelenggara)

Antologi *Dirgahayu Bahasaku*,
 Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Nyatakan maksud *Bukan makhluk sebarang-barang*. [2 markah]
- (ii) Selain faktor sabar dan tidak mudah terpengaruh seperti yang terdapat dalam rangkap 1, apakah faktor-faktor lain yang perlu ada dalam diri seseorang untuk mencapai kejayaan? [3 markah]
- (iii) Huraikan **dua** pengajaran yang diperoleh daripada rangkap 3. [4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

- (a) Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) bermesyuarat
- (ii) bermasyarakat
- (iii) menyimpan
- (iv) menyimpang
- (v) terawal
- (vi) terkawal

[6 markah]

- (b) Tukar ayat pasif yang berikut kepada ayat aktif tanpa mengubah maksud asalnya.

- (i) Tarikh luput sesuatu barang hendaklah kamu teliti sebelum membelinya.
- (ii) Majalah yang mempunyai maklumat tentang flora dan fauna telah saya baca.
- (iii) Orang ramai dinasihati oleh doktor supaya minum air yang banyak ketika musim panas.

[6 markah]

- (c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Bahan buangan domistik dan industri merupakan faktor utama yang menyebabkan mencemari sungai.
- (ii) Masyarakat moden yang berdaptan tinggi lebih cenderung mengunjungi pasaraya ternama untuk mendapatkan barang berjenama.
- (iii) Atlet paralimpik Malaysia telah ditempa kejayaan yang memberansangkan dalam pertandingan sukan pada peringkat antarabangsa.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Hidangan rebus ubi yang empuk itu amat enak dirasai pada waktu petang,
- (ii) Pengetua telah mengurniakan sijil pencapaian cemerlang kepada semua murid-murid yang aktif dalam kegiatan kokurikulum.
- (iii) Filem yang dilihat oleh mereka itu berkisar terhadap kepentingan penjagaan alam sekitar.

[6 markah]

(e) Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti dan kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan ayat-ayat tersebut.

- (i) Sepanjang lima tahun beliau menguruskan syarikat itu, pelbagai rintangan telah berjaya dihadapi bersama-sama kakitangannya.
- (ii) Kita hendaklah berasa insaf dan berusaha untuk membetulkan sesuatu kesalahan apabila kita menyedari kesalahan yang telah dilakukan.
- (iii) Majlis sambutan rumah terbuka itu telah selesai, namun masih kedengaran rungutan daripada sesetengah pihak kerana atur caranya tidak lancar.

[6 markah]

Lihat halaman sebelah
1103/2 © 2015 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

SULIT

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Papa ... (akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof
 - (ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
 - (iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah
 - (iv) Renyah karya Gunawan Mahmood
 - (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
 - (vi) Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir
 - (vii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah
 - (viii) Sutera dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan
- (a) Peristiwa dalam sesebuah novel dapat menimbulkan kesedaran kepada pembaca. Berdasarkan **dua** peristiwa dalam **sebuah** novel yang telah anda kaji, jelaskan sebab-sebab peristiwa itu dapat menimbulkan kesedaran kepada pembaca. [7 markah]
- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang telah anda pelajari,uraikan **satu nilai keberanian** yang terdapat dalam setiap novel. [8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT